



**Nestlé** Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Putrajaya, 16 Ogos 2024

### **MILO® Beri Penghormatan Kepada Wira Olimpik dan Paralimpik Malaysia**

Demi menyokong atlet kebanggaan negara, MILO®, jenama minuman berkhasiat kegemaran rakyat Malaysia akan menyumbang lebih daripada setengah juta Ringgit untuk meraikan dan memberi penghormatan kepada wira Olimpik Malaysia. Seramai 56 atlet yang telah bertanding dalam Sukan Olimpik baru-baru ini dan bersaing dalam Sukan Paralimpik akan datang bakal menerima sokongan kewangan sebanyak RM10,000 setiap seorang, sebagai pengiktirafan kepada dedikasi dan prestasi mereka yang menginspirasi serta menyatukan hati seluruh rakyat negara.

Majlis penyerahan tersebut dihadiri oleh YB Puan Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, memperlihatkan komitmen berterusan MILO® untuk memupuk bakat sukan di Malaysia. Turut hadir ialah YBhg Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan, dan Encik Abdul Rashid Yaakub, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara.

YB Puan Hannah Yeoh mengulas, "Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada MILO kerana menaja dan menyumbang RM10,000 kepada setiap seorang daripada atlet Olimpik dan Paralimpik kita. Sumbangan ini ternyata memberi motivasi kepada atlet kita untuk terus berusaha gigih mencapai ke cemerlangan dalam sukan dan mengharumkan nama negara."

Ng Su Yen, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MILO<sup>®</sup>, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Selama lebih 70 tahun, MILO<sup>®</sup> berbesar hati kerana dapat memainkan peranan dalam pembangunan atlet Malaysia, daripada peringkat akar umbi dalam sukan sekolah kepada peringkat mewakili negara di pentas dunia. Sumbangan ini ialah cara kami mengucapkan terima kasih kepada insan-insan luar biasa ini yang memberi inspirasi kepada kita. Kami telah menyaksikan kegigihan ramai atlet mengejar kecemerlangan dan mencapai kejayaan menerusi program akar umbi kami, dan kini mereka menunjukkan kepada dunia apa yang boleh dicapai oleh rakyat Malaysia. Dengan menyokong semua atlet Olimpik dan Paralimpik, kami berharap bukan sahaja untuk mengiktiraf titik peluh mereka selama ini tetapi juga memberi dorongan kepada juara sukan masa depan Malaysia."

Seramai 26 atlet Olimpik Malaysia yang telah bersaing di Paris dan 30 atlet yang sedang bersiap sedia untuk sukan Paralimpik yang bakal membuka tirai akan menerima sumbangan. Inisiatif ini ialah lanjutan daripada kerjasama jangka panjang MILO<sup>®</sup> dengan Majlis Olimpik Malaysia, yang bermula sejak 1950-an. Selama lebih daripada tujuh dekad, MILO<sup>®</sup> menyokong kontinjen Malaysia di Sukan Olimpik dan acara berbilang sukan lain, membuka peluang untuk mengasah bakat mereka dan mewakili negara di peringkat global.

Komitmen MILO<sup>®</sup> untuk menyemai dan memupuk bakat sukan Malaysia boleh dilihat menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan termasuk pertandingan sukan sekolah Malaysia MILO-MSSM, yang telah membawa manfaat kepada berjuta-juta murid sekolah dalam tempoh 60 tahun lepas. MILO<sup>®</sup> berpegang pada falsafah bahawa sukan ibarat guru terbaik untuk mengajar nilai-nilai kehidupan dan ini sejajar dengan usaha untuk memberi dorongan dan sokongan kepada atlet di semua peringkat.

Untuk maklumat lanjut mengenai MILO® dan inisiatif yang dilaksanakannya, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my)

###

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unik 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Dihasilkan di Malaysia selama lebih 50 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
+6012 235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 426 5857 (Deepa) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)